

(JPA. Sulit 2538/Bhg. 94.)

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 24 TAHUN 1974¹

PERUBAHAN TANGGAGAJI JAWATAN-JAWATAN YANG
DIGRED SEMULA OLEH SURUHANJAYA GAJI SUFFIAN

Dengan keluarnya Pekeliling Perkhidmatan Bil. 20 Tahun 1973 Kerajaan telah menyusun semula tanggagaji Perkhidmatan Perkeranian berkuatkuasa mulai daripada 1hb Ogos, 1973. Berikutan dengan itu Kerajaan telah juga mengkaji jawatan-jawatan yang telah digredkan semula oleh Suruhanjaya Gaji Suffian sama seperti Perkhidmatan Perkeranian dan memutuskan bahawa tanggagaji jawatan-jawatan demikian juga hendaklah disusun semula selaras dengan penyusunan semula Perkhidmatan Perkeranian dan berkuatkuasa mulai daripada 1hb Ogos, 1973.

Jawatan-jawatan yang Terlibat

2. Jawatan-jawatan yang terlibat dalam penyusunan semula tanggagaji ini adalah seperti di Lampiran "A".

Pemindahan Gaji

3. Sifir pemindahan gaji adalah seperti sifir pemindahan yang dilampirkan bersama dengan Pekeliling ini.

Tarikh Kenaikan Gaji

4. Tarikh kenaikan gaji adalah tidak berubah kecuali dalam kes di mana dua atau lebih matagaji atas tanggagaji sekarang berpindah kepada satu matagaji atas tanggagaji baru. Dalam kes yang demikian tarikh kenaikan gaji adalah berubah menurut rumusan di Lampiran "B". Bagi pekerja-pekerja yang telah berada di matagaji tetap atau matagaji yang tertinggi sekali atas tanggagaji sekarang selama satu tahun atau lebih pada atau sebelum 1hb Ogos, 1973, maka tarikh kenaikan gaji mereka ialah 1hb September.

Sekatan Peperiksaan

5. Pekerja-pekerja yang disyaratkan dalam sekim perkhidmatan mereka supaya lulus peperiksaan tertentu hendaklah memenuhi syarat-syarat itu bagi melayakkan mereka menerima kenaikan gaji

seterusnya atau melangkah sekatan kecekapan atas tanggagaji baru. Walaubagaimanapun, peruntukan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 20 Tahun 1973 hendaklah juga dipakai di mana berkenaan.

DATO' ABDULLAH BIN AYUB,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR,
22hb Julai, 1974

CATATAN:

¹ Dibatalkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977 mulai 31hb Mac, 1977.